

# **KAUNSELING DAKWAH: SUATU PENGENALAN KONSEP**

Oleh:

Ab. Aziz bin Mohd Zin  
Yusmini binti Md. Yusoff

## **Abstract**

*The article discusses counselling for da'wah particularly the implementation of da'wah basic concepts in counselling process such as helping relationships, muhasabah or improving the clients ability to understand and clarify their views of their lifespace and facilitating behavior change.*

## **PENDAHULUAN**

Di Malaysia, kaunseling masih dianggap sebagai suatu bidang baru jika dibandingkan dengan perkembangan dan tahap kemajuannya di negara-negara Barat. Malah di negara Islam, kaunseling masih mencari identitinya yang tersendiri terutama dari sudut falsafah dan pelaksanaannya. Perkara yang sering menjadi isu dan persoalan di kalangan pengamal kaunseling, ahli akademik dan mereka yang menerima perkhidmatan kaunseling ialah kewajaran masyarakat Islam terutamanya dalam menerima acuan kaunseling konvensional yang disediakan oleh Barat secara total atau menempelnya dengan kehendak-kehendak Islam supaya sesuai dengan nilai masyarakat Islam. Lebih jauh lagi, timbul persoalan apakah wujud kaunseling dalam Islam terutamanya kaunseling untuk dakwah? Sekiranya ia wujud, bagaimanakah pula bentuknya? Walau apa pun persoalan yang ditimbulkan, hubungan dan aktiviti menolong yang terdapat dalam kaunseling bukanlah sesuatu yang asing atau terpinggir dari Islam. Malah, ia satu daripada asas dalam Islam.

Islam secara tradisinya telah lama memperkenalkan aktiviti dakwah dalam kehidupan masyarakatnya samada secara perseorangan atau berkelompok. Aktiviti dakwah adalah untuk menerapkan kefahaman dan perubahan masyarakat yang bertujuan membentuk suatu komponen manusia yang boleh mencapai keseimbangan hidup dari sudut emosi, mental dan fizikal. Melalui keseimbangan ini masyarakat Islam diharap mampu mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Oleh itu, pelbagai cara telah digunakan untuk tujuan tersebut. Ini adalah kerana dakwah memerlukan pelbagai mekanisme yang efisien dalam mendekati mad'u atau sasarannya. Kajian perlu dilakukan dalam hal ini bagi menggali khazanah yang tersembunyi untuk dikembangkan dasar-dasarnya bagi kegunaan masyarakat. Dalam konteks tersebut, kaunseling boleh digunakan sebagai satu uslub dalam dakwah. Sebagai usaha awal, artikel ini akan melihat kedudukan kaunseling dakwah dengan mendedahkan beberapa konsep asas bagi memantau kedudukannya yang agak tersorot berbanding dengan kaunseling konvensional.

## HUBUNGAN DAKWAH DAN KAUNSELING

Sebelum membincangkan hubungan antara dakwah dan kaunseling, terlebih dahulu perlu dijelaskan beberapa pengertian dakwah. Dari sudut istilah, dakwah bererti satu proses mengajak kepada jalan Allah oleh pendakwah kepada mad'unya (sasaran) dengan maksud segala perlakuan dan tindakannya akan mendapat keredaan Allah. Ajakan itu seterusnya membawa kepada kesejahteraan hidup mad'u.<sup>1</sup> Setiap usaha yang membawa kepada kesejahteraan hidup berteraskan Islam termasuk dalam usaha dakwah.

Ariffin pula mendefinisikan dakwah sebagai suatu kegiatan mengajak manusia dalam bentuk lisan yang dilakukan secara sedar dan berencana dalam usaha mengajak orang lain, samada secara individu atau kelompok supaya timbul dalam diri suatu pengertian, kesedaran, sikap, penghayatan serta pengamalan terhadap ajaran yang disampaikan kepada mereka dengan menolak unsur-unsur paksaan.<sup>2</sup> Berdasarkan takrifan tersebut terdapat beberapa perkara yang dapat dipetik daripadanya iaitu:

1. Berlakunya kegiatan ajakan dalam proses ini.
2. Adanya suatu bentuk tertentu dalam kegiatan ini samada melalui lisan, tulisan dan tingkahlaku.
3. Kegiatan tersebut dilakukan secara sedar dan berencana.
4. Kegiatan tersebut untuk mempengaruhi orang lain secara sukarela.
5. Ia bertujuan untuk menimbulkan kesedaran, penghayatan dan perubahan diri.
6. Ia dilakukan tanpa adanya unsur-unsur paksaan.

Berdasar konsep di atas dakwah merupakan satu cara mempengaruhi seseorang ke arah penjernihan jiwa. Penjernihan jiwa yang dimaksudkan ialah pembersihan, pertumbuhan dan pembaikan roh dan jiwa manusia melalui kaedah, teknik dan sifat-

---

<sup>1</sup> 'Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, (1992), *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyyah*, Dār al-Wafā', hlm. 25.

<sup>2</sup> H.M Ariffin, (1991), *Psikologi Dakwah Suatu Pengantar Studi*, Jakarta, hlm. 6.

sifatnya tersendiri yang memberi kesan terhadap tingkahlaku dalam usaha mencari kerediaan Allah SWT. Oleh itu, proses ini juga secara langsung memberi kesan dalam hubungan sesama manusia.<sup>3</sup>

Oleh kerana kaunseling merupakan satu mekanisme untuk penyelesaian masalah ke arah perubahan tingkahlaku, meleraikan konflik emosi serta menimbulkan kesedaran terhadap diri sendiri, maka kaunseling dan dakwah mempunyai perkaitan yang sangat rapat di antara satu sama lain. Kaunseling merupakan salah satu mekanisme dakwah.

## DEFINISI KAUNSELING

Dari sudut definisinya, kaunseling mempunyai banyak pengertian. Krumboltz menyatakan kaunseling merupakan aktiviti yang berlandaskan kepada etika-etika tertentu yang memerlukan kepada pelan-pelan tindakan yang dirangka bersama klien untuk mencapai penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi.<sup>4</sup> Sehubungan itu, proses kaunseling adalah suatu proses yang berstruktur dan bermatlamat yang dijalankan dengan semangat kerjasama serta komitmen yang padu di antara kaunselor dan klien.

Burks dan Steffire pula menyatakan kaunseling ialah hubungan profesional di antara kaunselor yang terlatih dengan klien. Hubungan ini berlaku biasanya di antara dua orang atau dalam keadaan tertentu ia melibatkan lebih daripada dua orang.<sup>5</sup> Rekabentuk kaunseling sebenarnya boleh membantu klien memahami hidupnya serta belajar membuat keputusan sendiri berdasarkan pilihan-pilihan yang bermakna dan berasaskan maklumat.

Bagi Suradi Salim, kaunseling merupakan hubungan peribadi bersemuka antara kaunselor dan klien. Melalui hubungan itu kaunselor dengan menggunakan kemahiran khususnya, menyediakan satu situasi dan suasana, apabila klien, seorang yang normal dibantu untuk memahami diri, memahami situasi semasa serta juga berkemungkinan situasi masa hadapan supaya dia boleh menggunakan sifat-sifat keperibadian dan

---

<sup>3</sup> Hassan Langgulung, (1998), "Aplikasi Beberapa Kaedah Kaunseling Dalam Dakwah" dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, (disunting oleh Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat dan Ideris Endot), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 137.

<sup>4</sup> Krumboltz, J.D., (1965), "Behavioral Counselling: Rational and Research". *Personal and Guidance Journal*, 44, hlm. 3873-3874.

<sup>5</sup> Burks, H.M., and Steffire, B., (1979), *Theories of Counselling*, Third Edi, New York: McGraw-Hill Book Com., hlm. 14.

potensi dengan cara yang memuaskan dirinya.<sup>6</sup> Kebiasaannya, klien datang kepada kaunselor dengan pelbagai masalah yang rencam. Maka, menjadi tugas kaunselor dengan menggunakan kepakarannya untuk mengungkai perkara yang menjadi kekaburan kepada klien. Setiap masalah yang dibawa akan dibincang dan diperincikan supaya klien jelas tentang situasi masalah tersebut dan cara penyelesaiannya.

Manakala bagi Wrenn, kaunseling ialah suatu hubungan yang dinamik dan mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Kaunseling bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi kehendak klien tetapi aspek penyertaan dan persefahaman di antara kaunselor dan klien juga penting supaya timbul corak interaksi yang baik.<sup>7</sup> Hasilnya kaunselor-klien boleh memusatkan perhatian kepada penjelasan masalah dan penetapan diri.

Perkara ini disokong oleh Gibson dan Mitchell yang menegaskan bahawa kaunseling merupakan hubungan tolong-bantu yang berpusat kepada perkembangan dan pertumbuhan seseorang serta penyesuaian dirinya dan kehendak-kehendaknya dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.<sup>8</sup> Dengan itu, kaunseling merupakan kemahiran individu berkomunikasi dan berinteraksi secara bersemuka dengan individu lain yang memerlukan pertolongan secara profesional dalam perkara yang berkait rapat dengan urusan kehidupan.

Meneliti kepada definisi-definisi tersebut dapat disimpulkan beberapa konsep asas yang diamalkan dalam kaunseling iaitu:

1. Konsep menolong dengan menggunakan kemahiran lisan dan mendengar.
2. Konsep pembelajaran untuk memahami diri sendiri, proses mencari punca masalah dan cara penyelesaian serta memperolehi celik akal supaya setiap individu dapat berfungsi sepenuhnya.
3. Konsep perubahan tingkahlaku tanpa melibatkan unsur-unsur paksaan atau mempengaruhi klien.

Konsep-konsep di atas jelas menunjukkan bahawa kaunseling merupakan rangkaian amalan yang berkait dengan hubungan menolong melalui kemahiran tertentu serta mengkaji tingkahlaku manusia dalam perhubungan dan pergaulan mereka sehingga diketahui jawapan terhadap beberapa persoalan mengenai kehidupan sosial yang membawa kesan kepada perubahan tingkahlaku. Persoalannya, adakah konsep-

---

<sup>6</sup> Suradi Salim, (1996), *Bimbingan dan Kaunseling*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 253.

<sup>7</sup> Wrenn, C.G., (1951), *Student Personal Work In College*. New York: Ronald Press, hlm. 60.

<sup>8</sup> Gibson, R.L dan Mitchell, M.H.,(1981), *Introduction to Guidance*, New York: Ronald Press, hlm. 27.

konsep tersebut terdapat dalam dasar-dasar dakwah? Bagi menjawab persoalan ini, penjelasan berhubung dengan konsep tersebut akan dibincangkan dengan lebih lanjut.

## KONSEP KAUNSELING DAKWAH

Tuntutan Allah terhadap amalan manusia bukan sahaja di dalam hubungan manusia dengan Allah tetapi juga hubungan sesama manusia. Malah, dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling, sumber asas dan pendekatan teorinya mestilah bersandarkan kepada al-Quran dan al-Hadith.<sup>9</sup>

Berdasarkan definisi dan pengertian yang diberikan, amalan kaunseling merupakan amalan yang telah lama ada dalam Islam terutama dalam pelaksanaan beberapa konsep seperti yang telah dinyatakan di atas. Walaupun intonasi yang digunakan agak berbeza, tetapi maksud yang hendak dicapai adalah sama, iaitu menyediakan perkhidmatan untuk kebajikan manusia. Secara ideal dan yang dituntut oleh Allah SWT, setiap manusia bertanggungjawab untuk membimbing satu sama lain bagi mendapat keredaanNya.

### 1. Konsep Menolong

Islam amat menggalakkan umatnya mengamalkan hubungan menolong dalam kehidupan seharian. Terdapat banyak ayat al-Quran yang mempertanggungjawabkan manusia dengan perkara ini. Contohnya, ayat yang menjelaskan tentang hubungan tolong menolong dalam berbuat kebajikan dan takwa (al-Māidah: 2). Berdasarkan ayat tersebut dapat dilihat bahawa proses kaunseling yang dilakukan oleh kaunselor tidak lari daripada konsep berkenaan terutama dalam memberi panduan dan membimbing klien untuk mengatasi kesusahan yang dialami. Oleh itu, kaunseling hendaklah bertujuan untuk menolong seseorang mencapai kemaslahatan dan menghindari kerosakan.

Ayat lain yang menjelaskan lagi tentang konsep ini terdapat dalam firman Allah yang bermaksud:

*“Carilah (kebahagiaan) akhirat melalui anugerah Allah yang diberikan kepadamu. Dan janganlah lupa tugasmu di dunia, berbuat baiklah (kepada orang lain) sepertimana Allah telah berbuat ihsan kepadamu dan janganlah menimbulkan kerosakan di bumi ....”* (al-Qasas: 77).

Pengertian dari ayat di atas jelas menyatakan bahawa aktiviti menolong

---

<sup>9</sup> Kamaruddin Ahmad, (1996), “Kaunseling Dalam Konsep Mau’izah”, kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Kebangsaan Kaunseling di Tempat Kerja Siri 1*, Anjuran Unit Kerjaya dan Kaunseling, Institut Teknologi MARA pada 10 dan 11 September, hlm. 3.

merupakan suatu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dan bukan sekadar saranan biasa kepada umat Islam. Dalam kaunseling, kaunselor dengan segala kemahiran yang ada padanya bertanggungjawab membantu klien mencari jalan mengatasi perkara yang menghalang dirinya daripada berfungsi dengan memberi bimbingan, panduan dan sumbangan yang bertujuan untuk menghindar, membaiki dan memulihkan kesusahan klien.<sup>10</sup>

Islam, dari sudut dakwahnya pula berperanan membantu manusia mengenali diri serta tugasnya sebagai khalifah dan hamba Allah, bukan terbatas kepada penyelesaian masalah individu tersebut sahaja. Malah, ada unsur-unsur tarbiyyah atau mendidik dalam dakwah. Darrāz menyatakan ayat tersebut sebagai panduan dakwah dalam usaha menuju kepada matlamat mencapai kesejahteraan hidup, seterusnya kesejahteraan ini menjadi wasilah mendapatkan kebahagiaan akhirat.<sup>11</sup> Walaupun kaunseling tidak menonjolkan unsur ini secara terbuka, tetapi kaunseling sendiri merupakan proses pembelajaran yang perlu dilalui oleh klien dan kaunselor.

Dalil lain yang menonjolkan kepentingan hubungan menolong terdapat dalam maksud hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhārī:

“Hak seorang Muslim kepada Muslim lain ada enam perkara; jika bertemu ucapkan salam kepadanya, jika dijemput maka hendaklah memperkenankannya, jika diminta nasihat maka nasihatilah dia, jika bersin ucapkan *alḥamdulillāh* maka doakanlah dia semoga dirahmati Allah, jika sakit maka ziarahilah dia dan jika mati maka iringilah jenazahnya hingga ke kubur.”<sup>12</sup>

Daripada maksud hadith di atas jelas menunjukkan bahawa kewajipan seseorang untuk membantu, menolong dan mengambil berat terhadap saudaranya bukan sahaja dari sudut material tetapi juga dari sudut emosi dan spiritual. Malah, konsep ini diamalkan dalam keseluruhan hidup manusia dari awal hingga ke akhir hayat.

Sekiranya umat Islam mampu mencerna dan merealisasikan konsep ini dalam rutin kehidupan mereka, ia boleh menjadi satu anjakan untuk sama-sama membersihkan diri daripada melakukan maksiat dan sentiasa berusaha untuk melakukan kebaikan.

---

<sup>10</sup> Shertzer, B., dan Stone, S.C., (1981), *Asas-Asas Bimbingan* (Fundamentals of Guidance) terj. Amla Salleh dan Puteh Muhammad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 177-178.

<sup>11</sup> Muḥammad ‘Abduḥ al-Darrāz, (1982), *Dustūr al-Akhlāq fī al-Qur’an*, Kuwait: Dār al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah, cet. keempat, hlm. 215.

<sup>12</sup> Aḥmad bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqafānī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, tahqiq, Muḥammad Fu’ād ‘Abd. Al-Bāqī, Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb, jilid 3, hlm. 112.

Begitu juga saranan yang dibawa dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

“Sesiapa yang melapangkan hati orang beriman daripada kesusahan atau kerisauan dunia nescaya Allah SWT akan menghilangkan kesusahannya di hari kiamat nanti, sesiapa yang memudahkan perkara-perkara susah nescaya Allah SWT akan memudahkan kepadanya samada di dunia atau di akhirat dan Allah SWT sentiasa menolong hambaNya selama mana hambaNya menolong saudaranya.”<sup>13</sup>

Maksud pertolongan di dalam hadith ini juga menjurus kepada pertolongan dan bantuan bersifat material dan spiritual.<sup>14</sup> Ia bertepatan dengan sifat manusia sebagai makhluk sosial yang secara semulajadinya sentiasa perlu kepada bimbingan dan panduan dalam urusan kehidupannya.

Aktiviti menolong dan membantu dalam kaunseling bertujuan memberi kefahaman kepada klien menghadapi suasana persekitaran serta memahami keupayaan diri sendiri bagi membolehkan perubahan tingkahlaku. Perubahan tingkahlaku adalah berdasarkan kepada matlamat yang hendak dicapai. Dalam Islam, Allah SWT telah memberi kebebasan kepada manusia untuk membuat pelbagai pilihan dalam kehidupan. Namun, kebebasan tersebut dibenteng dengan kebijaksanaan akal fikiran dan keimanan bagi mencapai kesempurnaan hidup dunia dan akhirat. Untuk membuat pilihan yang tepat maka manusia amat perlu kepada bimbingan dan panduan.

Dalam kaunseling, klien dibimbing untuk membuat keputusan berdasarkan kepada kewarasan dan keimanan. Keputusan yang berasaskan kepada kehendak diri semata-mata tanpa bertunjangan kepada keimanan dan akal fikiran merupakan penganiayaan kepada diri sendiri sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Allah tidak menganiaya mereka, tetapi merekalah yang selalu menganiayai diri mereka sendiri.”* (al-Nahl: 33).

Kebebasan manusia memilih jalan untuk menyelesaikan perjuangan jiwa merupakan asas tanggungjawab dan asas perhitungan ke atasnya di akhirat.<sup>15</sup> Maksud firman Allah SWT:

*“Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan, jalan kebaikan untuk*

---

<sup>13</sup> Muḥammad Muḥyiddin al-Nawāwī (1994), *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut, Dār al-Ma’rifah, jilid 16, hlm. 351.

<sup>14</sup> Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, (1992), *Jāmi’ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, Beirut, Dār al-Kutb, al-’Ilmiyyah, hlm. 402.

<sup>15</sup> Wan Hussain Azmi Kadir, (1994), *Kaunseling dan Psikologi Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 36.

*dilaluinya dan jalan kejahatan untuk dijauhi.*" (al-Balad: 10).

Oleh itu, konsep kaunseling dalam dakwah ialah membantu klien yang terlibat dalam perbuatan yang melanggar prinsip Islam supaya kembali ke jalan yang benar. Klien yang didapati tergelincir dari mentaati perintah Allah hendaklah ditegur, dibimbing dan diberi peringatan yang sewajarnya.

## 2. Konsep Muhasabah dan Mengenali Diri

Muhasabah bermaksud melakukan perhitungan atau berkira-kira terhadap tindakan yang dilakukan. Imam Ahmad menyebut dari Umar al-Khattāb berkata:

"Hisablah jiwa kalian sebelum kalian dihisab dan timbanglah jiwa kalian sebelum kalian ditimbang kerana sesungguhnya kalian lebih mudah menghisab hari ini daripada dihisab kelak."<sup>16</sup>

Konsep muhasabah diasaskan kepada kebolehan untuk melihat kembali tingkahlaku dan perbuatan yang dilakukan. Malah, di dalam ayat al-Quran, Allah menegaskan bahawa setiap diri perlu memerhati dan mengawasi apa yang dilakukannya.<sup>17</sup> Konsep ini juga merupakan salah satu jalan mencari punca timbulnya sesuatu masalah agar dari masa ke semasa individu dapat memperbaiki diri. Imam Ahmad menyebut dari al-Hasan yang berkata:

"Anda tidak melihat seorang mukmin melainkan sibuk menghisab jiwanya; Apa yang dia kerjakan? Apa yang mesti dia makan? Apa yang mesti dia minum? Sedangkan orang yang berdosa, berjalan tanpa terus menghisab jiwanya."<sup>18</sup>

Hadith di atas jelas menyebut perbezaan antara orang yang sentiasa menjaga diri daripada melakukan kemungkaran dan orang yang sebaliknya. Bagi golongan pertama terdapat keinginan untuk melihat ke dalam diri sendiri untuk menjaga jiwa daripada penyakit-penyakit hati yang membawa kepada pelbagai masalah dengan mengadakan perhitungan terhadap jiwa tersebut.

Namun, muhasabah hanya dapat dilakukan apabila manusia mempunyai kepercayaan kepada wujudnya Tuhan. Tanpa kepercayaan ini konsep muhasabah tidak dapat dicapai sepenuhnya. Sejak kebelakangan ini pakar-pakar ilmu jiwa Barat berpendapat manusia mengalami masalah kerana tidak ada unsur roh dalam jiwa mereka. Seorang tokoh psikoanalisis, Jung mendapati sejumlah kes kliennya yang

<sup>16</sup> Ibnu Qayyim al-Jauziyah, (1999), *Keajaiban Hati, (Risālah fī Amrād al-Qulūb)*, terj. Fadhli Bahri LC, Pustaka Azzam, Jakarta, hlm. 125.

<sup>17</sup> al-Hasyr: 18

<sup>18</sup> Ibnu Qayyim, *op.cit*, hlm. 125.



melewati umur tiga puluh lima tahun menghadapi masalah kerana tiada fahaman agama yang kukuh untuk dijadikan pegangan hidup. Jung juga berpendapat mereka menjadi mangsa masalah kerana kehilangan perkara-perkara yang disediakan oleh agama.<sup>19</sup>

Arbuckle pula menegaskan individu terganggu jiwa dan fikirannya kerana tidak boleh menerima dosa dan kesalahan yang dilakukannya. Oleh itu, individu tersebut akan menjadi lebih tertekan.<sup>20</sup> Krisis ini dialami oleh masyarakat Barat kerana kemiskinan elemen kerohanian.

Asasnya, manusia ingin meneroka perasaan dan fikirannya secara objektif supaya dapat hidup dengan lebih bermakna, berfungsi sepenuhnya, bergerak dengan lancar dan dinamis. Manusia sentiasa ingin mengetahui mengapa melakukan sesuatu, mengapa dia gembira, suka, duka atau mengapa dia dilahirkan ke dunia. Maka muhasabah diri itu amat digalakkan dalam Islam sebagai satu proses mengenali diri secara keseluruhan termasuk unsur-unsur jasad dan roh.<sup>21</sup>

Oleh yang demikian pendekatan muhasabah telah digunapakai dalam proses kaunseling dalam membantu klien kembali menjadi manusia yang normal, waras serta rasional sehingga boleh berinteraksi semula dengan masyarakatnya dengan berkesan.<sup>22</sup> Klien akan berterusan belajar mengenali diri, bertindak secara logik, membuat keputusan dengan bijaksana serta berasaskan keimanan untuk kembali ke pangkal jalan setelah menghadapi sesuatu masalah.

### 3. Konsep Perubahan Tingkahlaku

Umum mengetahui al-Qur'an mengandungi tenaga rohani yang memberi kesan mendalam dalam diri manusia. Ia dapat menggerakkan fahaman, pemikiran serta membersihkan pandangan hati seseorang. Namun, tanpa adanya Rasulullah SAW sebagai utusan untuk menyampaikan ajaran al-Qur'an mesej ini tidak akan sampai kepada manusia. Para rasul dan nabi yang diutuskan oleh Allah SWT telah lama mengaplikasikan konsep kaunseling dalam melaksanakan tugas mereka terutama dalam memperbetulkan akidah dan mengubah tingkahlaku-tingkahlaku buruk. Malah, Rasulullah SAW sendiri menunjukkan hakikat tersebut dalam hadith yang

---

<sup>19</sup> Jung, C.G., (1966), *Modern Man In Search of Soul*, Routledge & Kegan Paul Ltd, hlm. 264.

<sup>20</sup> Arbuckle D.S, (1970), *Counseling and Psychotherapy*, Boston: Allyn and Bacon Inc. 1970, hlm. 47.

<sup>21</sup> Kamal Abd. Manaf, (1995), *Kaunseling Islam: Perbandingan Antara Amalan dan Teori Kaunseling Barat*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 29 –30.

<sup>22</sup> Muhd Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin, (1993), *Pengantar Kaunseling*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 46.

diriwayatkan oleh Imam Mālik yang bermaksud:

*“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”*<sup>23</sup>

Dalam melaksanakan tugas, Rasulullah SAW dengan pendekatan yang tersendiri berjaya mempengaruhi kelompok manusia pada zamannya untuk mengikuti ajaran Islam walaupun pada peringkat permulaan menghadapi pelbagai kesukaran. Pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah SAW amat memberi kesan kepada perubahan tingkahlaku seperti peristiwa yang berlaku dalam maksud hadith di bawah:

“Daripada Abī ‘Umāmah, beliau berkata, sesungguhnya seorang pemuda telah datang menemui Rasulullah SAW dan berkata, wahai Rasulullah izinkan aku berzina, maka orang-orang yang berada di sekeliling itu berpaling serta mengeji pemuda tersebut, lalu Rasulullah berkata bawa dia kepadaku dan pemuda tersebut duduk di sisi Rasulullah, Rasulullah pun berkata, adakah engkau menyukai zina berlaku ke atas ibumu, anak perempuanmu, adikmu, ibu saudaramu serta kakak iparmu? Pemuda tersebut menjawab: Tidak wahai Rasulullah. Rasulullah berkata: Begitu juga manusia lain, mereka tidak suka perkara tersebut berlaku kepada saudara mereka. Lalu Rasulullah meletakkan tangannya ke atas dada pemuda tersebut serta berdoa: Ya Allah! Ampunkanlah dosanya, sucikanlah hatinya dan lindungilah kemaluannya.”<sup>24</sup>

Pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah SAW memperlihatkan betapa pentingnya kebijaksanaan diperlukan untuk menimbulkan celik akal kepada individu yang bertanya. Manusia secara fitrahnya merupakan makhluk yang berperasaan halus. Tindakan yang keras dan kasar biasanya menyebabkan jiwa manusia terdorong untuk menentang dan menolak kebenaran.

Berdasarkan hadith di atas, Rasulullah SAW tidak terus menyatakan halal atau haramnya perzinaan tetapi menggunakan pendekatan psikologi bagi menimbulkan kesan yang mendalam pada diri pemuda berkenaan untuk membatalkan niatnya berzina seterusnya tidak melakukan tingkahlaku tersebut. Dalam Islam, manusia mesti berubah ke arah yang lebih baik. Konsep perubahan boleh berlaku dari sudut sikap dan kepercayaan, sama ada ia berbentuk anutan dalam sesuatu agama atau menangani masalah dalam kehidupan seharian.

---

<sup>23</sup> Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūfī, (t.t), *Tanwīr al-Hawālik ‘alā Muwatta’ Mālik*, Beirut Ma’ Thaqa’fiyyah, hlm 96.

<sup>24</sup> Abī ‘Abdullāh al-Syaibānī, (1993), *Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal, Musnad Abī ‘Umāmah*, Beirut Muassasah al-Tārikh al-Arabī, cet. kedua, hlm. 342.

Pendekatan kaunseling terhadap klien juga berfungsi di atas asas yang sama iaitu berlaku proses perubahan tingkahlaku yang dikehendaki selepas sesi kaunseling dijalankan. Hubungan yang baik di antara kaunselor dan klien tidak akan terbina melainkan kaunselor berjaya menimbulkan persefahaman yang baik dalam hubungan tersebut. Rogers dalam teori pemusatan klien menyatakan proses perkembangan diri klien menjadi lebih positif apabila hubungan baik kaunselor-klien yang dibina berasaskan kepada aspek ketulenan, empati dan penerimaan tanpa syarat.<sup>25</sup> Dalam hal ini tidak ada unsur paksaan atau mempengaruhi diri klien untuk menerima nilai atau pandangan kaunselor.

Pendekatan kaunseling yang tidak sesuai dengan keadaan diri dan suasana persekitaran klien akan menyukarkan kaunselor dalam usaha memahami diri klien dan permasalahannya. Klien mungkin akan hilang kepercayaan kepada kaunselor dan keadaan ini pasti menjejaskan hubungan dan perubahan tingkahlaku sukar untuk dicapai.

Malah Islam sendiri amat menggalakkan proses perbincangan yang baik di kalangan umatnya seperti yang terdapat dalam surah al-Nahl yang bermaksud:

*“Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan serta nasihat yang baik dan berbincanglah dengan mereka dengan cara yang lebih baik.”* (al-Nahl: 125)

Perbincangan yang berkesan dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu dapat membuka ruang pemikiran klien dalam aspek yang lebih luas. Sehubungan itu klien dapat melihat sesuatu dengan pandangan yang objektif lalu memberi pelbagai pilihan kepadanya dalam proses membuat keputusan dan mengubah tingkahlaku.

Bertepatan dengan ajaran Islam yang menjurus perhatian umatnya kepada pembentukan akhlak yang mulia, seorang mukmin yang sedar kesalahannya akan segera memohon ampun dan bertaubat di atas kesalahan yang dilakukan. Pengakuan seorang mukmin terhadap dosanya melalui amalan taubat yang benar secara tidak langsung akan melenyapkan perasaan berdosa untuk memperlihatkan tingkahlaku yang lebih baik.<sup>26</sup> Dalam menyesali sesuatu tindakan atau perbuatan yang dilakukan tidak cukup dengan meninggalkan perbuatan itu sahaja malah perlu disusuli dengan perbuatan yang baik dan positif sebagai pengaruh untuk mengikis perbuatan lama.<sup>27</sup> Dengan sebab itu taubat yang diterima Allah SWT sebagai satu kaedah pengampunan

<sup>25</sup> Rogers C.R, (1961), *Client-Centered Therapy*, Boston: Houghton Mifflin, hlm. 136.

<sup>26</sup> Muhammad Uthman Najati, (1992), *Psikoterapi Menurut Al-Qur'an (al-Qur'an wa 'Ilm al-Nafs)*, terj. Abd. Rahman Ahmad, Selangor: Hizbi, hlm. 18.

<sup>27</sup> Imam Ghazālī, (t.t), *Taubat*, Kuala Lumpur: Wangsa Enterprise, hlm. 41.

dosa adalah berasaskan kepada penyesalan dan keazaman yang bersungguh-sungguh untuk meninggalkan perbuatan mungkar seterusnya memperkukuhkan tingkahlaku yang boleh meningkatkan nilai diri sebagai seorang manusia.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa konsep kaunseling terkandung dalam dasar-dasar dakwah yang bertaburan di sana sini seperti persaudaraan Islam, tolong-menolong, memperbaiki hubungan, memenuhi keperluan orang lain, memastikan kesejahteraan masyarakat dan lain-lain. Oleh itu dapat dirumuskan:

1. Kaunseling boleh digunakan sebagai salah satu pendekatan atau mekanisme untuk memperkembangkan kegiatan dakwah dengan lebih berkesan.
2. Konsep kaunseling dalam dakwah bermaksud memberi panduan, bimbingan dan usaha membawa manusia mengurus kehidupan berlandaskan perkara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Maka, kaunseling dakwah itu ialah proses memberi bantuan untuk menolong manusia menyelesaikan masalah, memantau perkembangan dan potensi diri supaya dapat mempertingkatkan diri ke arah Islam.
3. Konsep seperti dasar ingat-mengingati, tolong menolong dan lengkap-melengkapi di antara satu sama lain merupakan prinsip pokok dalam menyelesaikan masalah hidup yang dituntut oleh Islam.
4. Dakwah melalui kaunseling boleh mengembangkan sahsiah individu ke arah yang lebih positif seterusnya membentuk masyarakat yang sejahtera dan bertanggungjawab.
5. Bagi memperlengkapkan diri sebagai pendakwah yang berkesan, para pendakwah perlu mempunyai kemahiran kaunseling bagi membantu golongan sasaran (*mad'ū*) dalam urusan yang berkaitan dengan hidupnya.